



SIARAN MEDIA

TH PLANTATIONS BERHAD
Registration No. 197201001069 (12696-M)

THP MELAPORKAN PENINGKATAN 20% KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI UNTUK SUKU KETIGA 2023

LAPORAN KEWANGAN SUKU KETIGA TAHUN 2023 TH PLANTATIONS BERHAD

Kuala Lumpur, 28 November 2023 – **TH Plantations Berhad** (“THP” atau “Kumpulan”) mengumumkan peningkatan sebanyak 20% kepada RM28.6 juta bagi Keuntungan Sebelum Cukai suku semasa berakhir 30 September 2023, berbanding RM23.9 juta yang dilaporkan pada suku yang sama tahun 2022. Keuntungan Selepas Cukai dan Faedah Minoriti (PATAMI) meningkat sebanyak 22 % kepada RM17.6 juta berbanding RM14.4 juta pada suku yang sama tahun lepas.

Pendapatan bagi suku ketiga meningkat kepada RM216.6 juta, berbanding RM213.3 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu disokong oleh volum jualan Buah Tandan Segar (BTS) yang lebih tinggi walaupun purata harga realisasi produk minyak dan pengeluaran sawit rendah sedikit. Pendapatan yang lebih baik pada suku ketiga juga disumbangkan oleh nilai saksama yang lebih tinggi bagi aset biologi berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

En Mohamed Zainurin Mohamed Zain – Ketua Pegawai Eksekutif THP berkata, “Prestasi Kumpulan akan terus didorong oleh pengeluaran BTS dan pergerakan harga minyak boleh dimakan global. Pengeluaran keseluruhan BTS dan MSM syarikat dijangka akan meningkat pada suku ke-empat 2023. Kami akan terus mengambil semua langkah yang perlu untuk menambah baik asas-asas Kumpulan termasuk mengoptimumkan inisiatif pengilangan, penyatuan, penjenteraan dan inisiatif transformasi di semua ladang dan kilang untuk mengukuhkan kecekapan keseluruhan dan pengurusan kos.”

Harga produk minyak sawit dijangka kekal stabil pada paras semasa sehingga akhir tahun, berikutan penggunaan tempatan yang kukuh di Malaysia dan Indonesia, serta keimbangan cuaca kering di Brazil dan Indonesia, walaupun permintaan yang kurang memberangsangkan dan stok yang lebih tinggi di Malaysia.

Tanpa sebarang keadaan yang tidak dijangka, Kumpulan menjangkakan prestasi kewangan yang memuaskan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023 dan optimis bahawa strategi dan inisiatif semasa mampu menangani isu dan cabaran yang berterusan serta mengekalkan kos efektif.





SIARAN MEDIA

TH PLANTATIONS BERHAD
Registration No. 197201001069 (12696-M)

FAKTA UTAMA	3QFY2023	3QFY2022	YoY
Pendapatan (RM mil)	216.7	213.4	1.52%
PBT (RM mil)	28.5	23.9	19.54%
PAT (RM mil)	21.1	16.1	30.42%
<hr/>			
(MT)			
Pengeluaran BTS	233,706.1	202,363.3	15.49%
Pemprosesan BTS	223,000.5	231,385.0	(3.62%)
Pengeluaran MSM	42,555.8	44,374.0	(4.15%)
Pengeluaran PK	11,221.75	11,239.65	(0.16%)
Jualan MSM	42,313.39	43,112.29	(1.85%)
Jualan PK	11,051.8	11,196.1	(1.29%)
<hr/>			
Purata Harga Realisasi (RM/ MT)			
MSM	3,675.7	3,997.2	(8.04%)
PK	1,955.4	2,355.42	(16.99%)
<hr/>			

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Investor Relations

TH Plantations Berhad

Email: info@thplantations.com

TH PLANTATIONS BERHAD (197201001069 (12696-M))
Level 23, Menara TH Selborn
153, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03 2603 4800 Fax: 03 2603 4695

